-9 APR 1976

SUARA

# PERPENSIS

MAJALLAH RASMI PERSATUAN PENCHAK SILAT SINGAPURA

JILID I BIL. 11 JULY 1971 KDN 5217 - M.C. (P) 2621 20 Sen

(££)

KANDONGAN-NYA

Renchana Pengarang ...1

Keistemewaan Islam....2

Sejarah Penchak Sunda.7

Kebenaran Al'Quran.10

Penasihat:

Tuan Hj. Md. Taha Suhaimi

Ustaz Hj. Mohd Kamil Suhaimi

Pengarang:

Jumaat bin Sidek

Kirimkan-lah renchana anda kapada kami di alamat:- No. 5 Ipoh Lane Singapore 15.

## RENCHANA PENGARANG

Sebagaimana yang tuan2 telah ketahui pada masa ini berapa banyak anak2 muda-mudi kita terchebur di-dalam perangkap - menjadi penghisap penghisap ganja, pemakan2 pill MX , LSD dan sebagai-nya. Ini ada-lah satu perbuatan yang di-larang, sama ada di-larang dari segi undang2 negeri, atau dari segi agama Islam. Baharu2 ini banyak kita melihat dan mendengar dari siaran akhbar2 yang mana muda-mudi2 telah di-tudoh dan di-hukom di-mahkamah hingga di-penjarakan kerana di-dapati salah mempunyai dan menjadi penhisap dan pemakan benda2 yang ter-sebut.

Sokongan samesti-nya di-beri - kan di-atas tindakan kerajaan kerana membasmi perbuatan2 yang salah ini yang akan merosakkan akhlak muda mudi kita. Sokongan sahaja tidaklah begitu tepat - Bekerjasama-lah kita dengan kerajaan menchari jalan supaya dapat membasmi perbuatan yang me

-sambongan di muka 6

## KEISTEMEWAAN ISLAM

Bila kita memperkatakan Islam berarti memberi pengakuan da pe - nyerahan. Islam menjadi nama dari satu ugama yang di-ajarkan ole h nabi Muhammad s.a.w. Baginda menerima-nya sabagai wahyu dari Tuhan Allah s.w., dari intisari ajaran Islam ini-lah, dapat memimpin umat manusia menempoh jalan kebahagian, kesejahteraan di-duniadan di-akhirat. Sabagai sa-orang Muslim yang sa-benar, sudah pasti ia beriman tanpa keraguan, penoh keyakinan atas kebenaran hakikat ajaran Islam sa-laku suatu ugama yang maha suchi datang-nya dari Allah sabagai mana mengikut fir - man-nya di-dalam Qur'an. ........ lihat muka. 14 .(1) Erti-nya "Sa - sunggoh-nya ugama yang di-akui di sisi Allah ia-lah Islam".

Dasar ajaran Islam, tidak mengenal batas kaum, tidak ada sikap beza membeza antara bangsa, jenis, warna kulit, pangkat, darjat, keturunan, miskin atau kaya tua dan muda. Islam ugama yang benar menganjorkan manusia supaya hidup harmoni, bersafahaman antara satu sama lain, bantu membantu atas dasar chinta menchintai disamping itu meneru manusia pulang bersama kembali ka-hadhrat Tuhan Rabbul Alamiin dengan mendapat keredhaan-nya.

Sa-tiap umat Islam, adalah bertanggong jawab terhadap ugama-nya. Dalam zaman serba mo - dern ini, kita dapati sa-gelintir dari pemuda pemudi Islam yang berumor di-dalam lengko - ngan belasan tahun, mereka telah mempersonakan kesuchian ke peribadian Islam dengan memakai pakaian yang kurang sopa n melanggar tata susila Islam. Pemuda2-nya pula khayal, karam tenggelam di-tengah2 lautan ganja, berambut panjang, tidak ubah saperti orang yang hidup di-dalam hutan belantara dizaman batu.

Wahai sakalian kaum Muslimin yang di-kasehi, ada-kah sa harus-nya kita musohi mereka , kita chachi, kita hinakan,kita singkirkan dan kita pulaukan mereka daripada masharakat?. Dasar ajaran Islam, saperti me neka ini-lah yang mesti diberi perhatian, di-beri pimpinan. Umor mereka yang masih mudaini penoh dengan gelura jika terus menerus berlaku ada-lah merbahaya, lantaran ini-lah - maka pimpin-lah mereka, pandu-lah mereka dengan penoh kebijaksa-



naan, bukan dengan kekerasan dan chachian. Mengikut pendidikan ilmu saikologi chara kekerasan dan penghinaan ada-lah tidak sesuai bagi rohani manusia - chara yang sabaik2-nya ia-lah dengan menggunakan diplomasi ; firman Allah di dalam Al-Qur'an.................. ..................lihat muka 14(2) Erti-nya: "Seru-lah manusia ka-jalan Tuhan engkau (Ugama Islam) dengan chara kebijaksanaan dan nasihat yang baik, serta tentang -lah mereka dengan chara yang lebih baik, kerana Tuhan mu itu maha mengetahui akan orang2 yang sesat dari ugama-nya, dan juga amat mengetahui sa-siapa yang menda p at pertunjok."

Lazim-nya sa-sa-orang itu mahu hidup bebas tidak suka dirinya di-ganggu, tidak rela diri-nya di hukum, tidak setuju diri-nya dipaksa, tetapi boleh-kah manusia itu dapat hidup penuh merdeka mengikut kahendak dan kemahuan-nya, tanpa terikat dengan peratoran dan undang2 negeri?.

Sa-tiap bani insan sudah tentu tidak munkin dapat hidup penoh bebas, ia tidak boleh melaku- kan mengikut rasa hati sendiri atau menurut akal fikiran sahaja, ia tetap ter-taalok kapada peraturan dan perlembagaan negara-nya.

Barang siapa melakukan kesalahan tidak patoh pada peratoran akan di-da'wa di-bawa ka-hadapan pengadilan untok di-bicharakan, jika thabit kesalahan-nya, dia tetap di-hukum. Hal ini sesuai dengan ajaran Islam, Tuhan murka kapada orang2 yang melakukan kesalahan dan kerusakan di-muka bumi ini sa-perti firman Allah di-dalam Al-Qur'an;........................ ..............lihat muka 14 (3) Erti-nya: "Jangan-lah engkau melakukan kerosakan di-muka bumi, sa-sunggoh-nya Allah tidak suka kapada orang2 yang membuat kerosakan"

Peratoran undang2 sa-sabuah negara di-buat menurut daya usaha akal fikiran manusia sendiri demi untok menjaga keselamatan raayat-nya, ia boleh di-ubah, di-tokok tambah mengikut keadaan dan masa, tetapi undang2 peratoran sharia t Islam chiptaan Tuhan tidak boleh sakali2 di-ubah, di-pinda ia sudah tersusun sa-bagitu rupa lengkap sa-lengkap2-nya, chukop sampurna sesuai pada bila2 masa untok keselamatan umat manusia.

### APA-KAH KEISTIMEWAAN SHARIAT ISLAM ITU?.

Jika di-halusi benar2 ter-lalu banyak keistimewaan-nya, memadai lah huraian-nya di-bawah ini mengi

kut garisan kasar-nya sahaja. Islam dapat mengator rukun hidup untok kebahagian manusia, satiap bani insan hamba Tuhan tidak kira raja, sultan, menteri, dato'2 pembesar negeri, miskin kaya mesti patoh kapada perintah Allah, sujud menyembah-Nya firman Allah di-dalam Al-Qur'an..............

......lihat muka 14 (4)

Erti-nya;" Dan tidak-lah Aku (Allah) menjadikan jin dan manusi a melainkan kerana menyembah Aku (Allah)."

Dengan berbuat amal ibadah sa-saorang itu akan insaf dan sedar harga diri-nya sabagai sa - orang hamba Tuhan yang benar2 patoh menjunjong perintah-Nya, dengan demikian ter-hindar-lah perasaan sombong, besar diri, megah dan takbor terhadap sasama manusia.

Islam juga dapat menyusun taraf social yang tinggi mengikut peringkat masing2 sa-bagai chontoh anak2 terhadap ibu bapa, tiap2 anak mesti bersopan santun, berchakap mengikut nada suara - lemah lembut tidak boleh sa-kali kali bersikap kasar dengan mengangkat suara, lebih2 lagi menentang dengan chara kekerasan.

firman Allah.....................

.......lihat muka 14 (5)

Erti-nya: "Tuhan mu memerintahkan supaya kamu jangan menyembah sa-lain daripada-Nya, dan berbuat baik kapada kedua ibu bapa, jika sa orang di-antara kedua-nya telah tua atau kedua2-nya, jangan- lah engkau mengeluarkan perkataanyang kasar kapada kedua-nya dan jangan pula engkau herdik dan hendak-lah engkau uchapkan perkataan yang mulia (lemah lembut)."

Islam selanjut-nya menggalakkan sa-tiap penganut-nya berjimat chermat membelanjakan harta-nya, jangan terlalu boros, kerana boros itu puncha kemiskinan, Allah tidak menukai orang yang bersifat boros, firman Allah Taala;.......

.........lihat muka 14 (6)

Ertinya: "Jangan-lah kamu berlebih2an kerana Allah tidak suka ka orang2 yang berlebih-lebihan (membadzir)"di-samping itu jangan pula terlalu mengikat perut, hingga
menjadi hamba wang ringgit
menchuaikan tanggong jawab aanak2 untok mendapatkan pelajaran menyekat perbelanjaan nafkah anak isteri dalam rumah tangga hingga mengalami penderitaan, enggan mengeluarkan zakat menabor bakti kapada fakir miskin lantaran perbuatan-nya itu ia juga akan di-kutok dan di-la'nat oleh Allah, firman-nya di-dalam Al-Qur'an..........



......lihat muka 14 (8)

Erti-nya: "Jangan engkau jadikan tangan engkau terbelanggu diatas tengkok engkau dan jangan pula engkau lepaskan dengan sa-luas2-nya nanti engkau menjadi terchela dan susah."

Islam tidak samata2 menitek beratkan soal ibadah untok akhirat sahaja, bahkan Islam juga menganjurkan manusia supaya berusaha menchari kemajuan dan kekayaan dengan mengkaji dan menyiasat segala rahasia2 isi 'alam. Dalam abad kedua pulohan ini, merupa - kan zaman kemajuan sain dan teknoloji, manusia ingin berkuasa di-bumi, di-laut dan di-angkasa lepas. Bangsa Russia berbanggakerana dapat melancharkan roket yang di-namai-nya Luna III hingga sampai ka-bulan. Bangsa Amerika pula telah bermegah kerana berjaya menghantar manusia ka-bulan menerusi Appolo-nya, mereka tetap terus menerus memburu, mengejar kemajuan.

Bagi umat manusia yang terdahulu hidup-nya di-zaman primitif munkin mereka mengatakan ini perkara mustahil, tetapi kini telah menjadi bokti zaman kenyataan, perkara ini tidak-lah bertentangan dengan ajaran Al-Qur'an firman Allah....................

lihat muka 14 (8)

Erti-nya: "Wahai sakalian jin dan manusia, jika kamu sanggup melunchor dari lengkaran langit dan bumi maka meluncher-lah tetapi tidak-lah kamu akan dapat meluncher melainkan dengan kekuasaan."

Tahu-kah anda terlalu banyak rahasia2 yang terkandong di-dalam bumi dan dalam alam chekarwala, Tuhan membuka pintu sa-luas2- nya bagi manusia untok menyelidiki rahasia alam itu, manusia tidak-lah di-tegah dan di-larang Tuhan untok mengetahui-nya, bahkan di-suroh di-galakan manusia itu menuntut ilmu menyiasat menchari rahasia2 alam di-sertai dengan memohon doa restu kapada-nya, Tuhan memberi ingat bahawa peluncheran, pengembaraan untok meneruka ka-alam chekarwala itu tidak akan berjaya kalau jin dan manusia tidak mempunyai sultan (kekuasaan), kekuasaan itu tidak lain dari pada ilmu pengatahuan, tambah-lah ilmu anda neschaya akan bertambah luas daerah yang dapat anda kuasai, orang yang jahil yang bodoh memandang perkara yang tidak di-ketahui nya suatu perkara yang mustahil , tetapi pada orang yang ber-ilmu soal itu ada-lah soal biasa, chuba ki

## SEJARAH PENCHAK SUNDA

Pada keluaran yang baharu lepas bagi majallah
"Suara Perpensis" maka sudah di-sebutkan bebera-
pa Hadith2 Nabi s.a.w. yang menunjokkan dengan
terang bahawa orang yang sudah mati dan sudah di
kebumikan di-dalam kubor itu boleh mendengarkan
perchakapan2 orang yang maseh hidup dan lain2 su
ara yang terjadi di-atas muka bumi ini.

Ada orang pernah menentang perkara ini, iaitu
mereka berkata bahawa jika ayat Qur'an yang te-
lah tersebut itu menyatakan bahawa orang2 kafir
yang degil itu tidak boleh mendengar akan seruan
Nabi s.a.w., dan di-umpamakan atau di-sama k a n
orang2 kafir itu dengan orang2 yang sudah mati
tadi maka tentu-lah ini ber-erti bahawa orang
yang sudah mati itu juga tidak boleh mendengar.

JAWAPAN-NYA

Menurut keadaan zahir atau ang-
gapan kita yang biasa maka orang
yang sudah mati itu memang-lah ti-
dak boleh bergerak dan tidak boleh
berchakap atau mendengar atau lain2
lagi, sama-lah seperti sa-batang ka-
yu, maka ayat2 Qur'an yang tersebut
itu menyamakan orang kafir yang de-
gil itu sa-bagai orang mati ia-lah
sa-kadar menurut anggapan adat kebi-
asaan kita atau pun menurut a p a
yang ternampak pada mata kasar kita
bahawa orang yang sudah mati tidak
boleh mendengar.

Tetapi pada hakikat-nya ia-lah
orang yang sudah mati dan sudah di-
kebumikan itu BOLEH MENDENGAR, Saba
gaimana yang telah di-nyatakan de-
ngan chukop terang oleh beberapa
Hadith Nabi s.a.w. yang sahih.
(Lihat-lah renchana2 berkenaan
"Sejarah Penchak Sunda" itu di-
dalam "Suara Perpensis" pada ke-
luaran2 yang telah lalu).

Perkara ini sudah chukop nya-
ta rasa-nya melainkan orang2yang
memang tidak mahu menerima kebe-
naran sahaja yang masih sengaja
tidak mahu mengaku bahawa o rang
yang sudah mati itu boleh mende-
ngar.

HAKIKAT MATI.

Sedia Ma'lum bahawa diri manu-
sia ada mengandongi roh dan ja-
sad. Jasad ia-lah badan kasar



ta buka tabir lambaran sejarah be
berapa orang serjana yang berugma
Islam telah turut menyumbang -kan
pendapat-nya dalam kemajuan 'ilmu
pengetahuan saperti Ibnu Sina, da
lam bidang falsafah dan kedokto -
ran, Al Farabi, dalam bidang seni
muzik, Jabar bin Hayyam dalam bi-
dang ilmu algebra, Ibnu Firnas ,.
yang mula2 menchuba membuat alat
kapal terbang, Kalau kita ber-fi-
kir lebih dalam, kita akan berasa
malu, kalau di-abad kedua pulohan
ini orang lain sama ada bangsa A-
merika atau Russia dapat menunjok
kan kemajuan mereka dalam bidang
ilmu pengetahuan.

Kita sakalian kaum muslimin
hanya membanggakan sejarah zaman
yang silam. Manusia yang sudah
menchapai kemajuan boleh berbang-
ga dan megah bahawa mereka telah
dapat mereka dan menchipta perka-
ra2 yang luar dugaan dan menga -
gong-agongkan, tetapi patut juga
mereka insaf bahawa apa sahaja
yang mereka usahakan, apa sahaja
kejayaan yang terchapai itu ada-
lah sa-kelumit kechil dari anuge-
rah kekuasaan yang Maha Esa dan
Maha berkuasa Allah Taala. Bagi
manusia yang tidak perchaya kapa-
da Tuhan - bersikap sombong lan-
tas mendabek dada mengatakan baha
wa mereka telah berkuasa mendapat
rahasia alam. Bagi manusia yang
beriman kapada Tuhan bila melihat
rahasia dan kekuasaan yang diberi
kan Allah kapada-nya, akan bertam
bah insaflah mereka akan kebesa-
ran Tuhan, mengikut pendapat sa-
orang serjana Peranchis bernama,
Henry Poincare "Pengetahuan dan
kekuasaan yang di-dapati oleh ma-
nusia betapa pun hebat-nya, hanya
lah laksana mendapat butir2 lokan
mutiara yang di-lemparkan ombak
dari dalam dasar laut ka-tepi pan
tai, bagaimana pun banyaknya yang
telah di-pileh oleh manusia, na-
mun yang masih tersimpan di-dalam
perut lautan masih lebih banyak
lagi."

Oleh; Abd. Ghani b. Ahmad

---

sambongan dari muka 1

rosakkan, sama ada memberi penger
tian bahaya-nya menjadi penghisap
dan pemakan benda2 ini atau mela-
porkan perkara tersebut kapada pe
hak berkenaan supaya tindakan da-
pat di-lakukan.

Puji jangan di-minta
Keji jangan di-tolak
Semua-nya Allah punya
kahendak

manusia yang boleh di-lihat oleh kita sakalian. Dan roh pula ialah badan halus manusia yang tidak boleh di-lihat oleh kita. Adapun hakikat "mati" ia-lah roh itu dicherai-kan atau di-chabut daripada jasa. Salepas mati maka j a s ad akan hanchor di-dalam tanah (kechuali jasad Nabi2 dan wali2 dan sa-bagai-nya). Tetapi roh tetap hidup dan di-tempatkan di' Alam Barzakh. Yang demikian ada di-nyatakan oleh Nabi kita Muhammad saw.

Ketika Nabi2 dan Wali2 itu hidup maka roh mereka tersekat oleh jasad mereka sama sa-o l a h2 burong tersekat di-dalam sangkar-nya. Tetapi sa-lepas wafat maka roh mereka jadi-lah bebas dan terlepas daripada kurongan jasad itu sabagaimana burong terlepas daripada sangkar-nya. Jika pada mas a hidup Nabi2 dan Wali2 itu mereka boleh melakukan perkara2 yang luar biasa maka sa-telah mereka tidak ter-sekat oleh jasad itu. Bagini-lah yang pernah di-katakan oleh Imam Al-Ghazali, Sheikh Yusof Ad-Dijwi dan lain2 ahli Sufi dan satengah2 ulama yang ter-kenal.

ROH BOLEH KELUAR KA-ALAM ZAHIR

Sedia ma'lum, menurut Hadit h Nabi kita Muhammad s.a.w. baha wa apabila sa-orang mati roh-nya akan di-bawa ka-'alam BARZAKH untok menunggu sa-hingga datang-nya Hari Qiamat. Tetapi boleh-lah roh itu datang sa-mula ka'alam zahir, ia itu 'alam DUNIA yang kita orang2 hidup berada sekarang.

Kita pernah mendengar riwayat Isra' dan Mi'raj. Menurut satu Hadith sahih yang di-riwayatkan daripada Ibni Abbas bahawa di-dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj itu, apabila Nabi kita Muhammad s.a.w. sampai di-Almasjidil-Aqsa ia telah berjumpa dengan ramai ROH nabi2 lalu mereka telah mengerjakan sembahyang dengan Nabi kita Muhammad s.a.w. menjadi imam. Kejadian ini terang-lah menunjokkan bahawa roh nabi2 itu telah datang keluar daripada 'alam Barzakh ka'alam DUNIA kita ini sa-mula.

Boleh jadi ada orang akan berkata: "Peristiwa Isra' itu menunjokkan roh NABI2 sahaja yang boleh keluar daripada kubor atau 'alam Barzakh, tetapi ia tidak menunjokkan roh orang2 mati yang lain daripada nabi2 itu boleh juga keluar daripada 'alam barzakh. Dari itu kata mereka, tidak ada dalil daripada Qur'an atau Hadi t h yang menunjokkan bahawa roh orang orang yang sudah mati, sama ada roh wali2 atau lain-nya, boleh keluar daripada kubor atau 'alam barzakh.



JAWAPAN KITA

Riwayat Isra' itu menyata-kan ramai roh2 bagi Nabi2 yang telah wafat itu telah datang berjumpa dengan Nabi kita Muhammad s.a.w. Tentulah di-antara roh2 yang datang itu termasok roh Nabi2 bani Israel, iaitu roh2 bagi Nabi2 bangsa Yahudi kerana Nabi2 bangsa Yahudi banyak sabagaimana sedia ma'lum.

Sekarang dengar-lah apa yang Nabi kita Muhammad s.a.w. pern a h bersabda:

Erti-nya: "Ulama2 dari gulongan umat-ku sama darjat-nya sabagaimana darjat Nabi2 dari gulongan Bani Israel!

Maka oleh kerana darjat ulama ulama di-antara umat Nabi Muhammad s.a.w. itu sama saperti darjat Nabi2 dari Bani Israel, dari itu jika roh Nabi2 yang sudah wafat dari gulongan Bani Israel itu boleh keluar daripada 'alam Barzakh kapada dunia kita ini, maka tidak mustahil toh'ulama2 demikian juga. 'Ulama erti-nya orang2 Islam yang mengetahui selok-belok ugama Islam dengan luas atau mendalam, serta mereka melaksanakan pengetahuan mereka dengan amalan yang sa-wajar-nya lalu mereka jadi-lah dekat kapada Allah bahkan sa-tengah2 mereka akan lebih bersunggoh2 berusaha dalam hal itu lalu mereka benar2 menjadi kekasih Allah, lalu mereka jadilah apa yang di-katakan WALI ALLAH, dan erti Wali Allah itu ialah KAWAN ALLAH. Maka orang2 yang saperti ini kami perchaya sudah-lah mendapat darjat sama saperti Nabi2 dari gulongan Bani Israel. Dari itu sakali lagi kami ulangkan bahawa jika roh Nabi2 Bani Israel itu boleh keluar daripada 'alam Barzakh ka-'alam ZAHIR kita ini maka nyatalah bahawa tidak mustahil roh Wali2dan sa-tengah2 'ulama yang besar boleh keluar dari 'alam Barzakh dan datang ka-'alam zahir kita ini.

PENGALAMAN2

Sa-tengah2 kita barangkali pernah mendengar ada sa-tengah ulama telah berjumpa roh Rasulullah s.a.w. dengan sa-chara terus-terang, bukan mimpi. Mithal-nya ada tersebut di-dalam kitab MANAKIB Shei kh Suhaimi bahawa Sheikh Suhaimi telah mendapat alamat menyuroh dia masok ka-dalam Ka'abah pada malam hari, maka apabila ia masok ka-dalam Ka'abah pada masa yang telah di-tentukan itu tiba2 ia berjum pa

## KEBENARAN AL'QURAN

**Qur'an memberitahu bahawa segala kandongan-nya benar, tidak ada yang salah**

Di-dalam Qur'an ada tersebut:... Surat 41 (Haa-Miim Assajadah) ayat 42..........lihat muka 14(1) Erti-nya: Qur'an itu tidak terdapat di-dalam-nya perkara2 yang salah daripada hadapan-nya dan daripada belakang-nya (ya'ni daripada awal hingga akhir-nya atau daripada segala segi-nya). Ia telah di-turunkan daripada Allah yang maha bijaksana lagi maha terpuji.

Ayat ini menyatakan bahawadi dalam Qur'an, daripada awal -nya hingga akhir-nya, tidak ada kesalahan, walau apa jenis kesalahan pun, daripada segala segi, daripada segi ilmu pengetahuan, sejarah, bahasa, hukum, dan lain2 lagi. Orang2 yang bukan Islam, terutama-nya pihak Kristian, telah banyak kali menchuba hendak menunjokkan bahawa Qur'an ada kesalahan, mithal-nya: (1) Di- dalam surat Al-tahriim (66) ayat 12... lihat muka 14 (2) Erti-nya: Dan Mariam anak Amran yang telah memelihara kemaluan-nya daripada zina....... Ayat ini menyatakan bahawa Siti Mariam (ibu Nabi Isa) itu Anak Amran. Pada hal kata orang2 Kristian, bahawa menurut sejarah adalah Amran itu telah hidup beberapa keturunan sa-belum masa Siti Mariam, ia-lah oleh kerana Amran itu yang sa-benar-nya bapa Nabi Musa dan bapa Nabi Harun. (sedia ma'lum bahawa Nabi Musa dan Nabi Harun telah hidup beberapa keturunan sa-belum Nabi Isa). Dari itu ta' kan boleh Siti Mariam jadi anak Amran. Demikian juga di-dalam surat Mariam (19) ayat 28, ada tersebut demikian...... lihat muka 14 (3) Erti-nya: Hai Mariam saudara Harun, bukan-lah bapa engkau sa-orang yang jahat...........

Ayat ini dzahir-nya menyatakan bahawa Siti Mariam itu adek beradek dengan Nabi Harun.

Kata orang2 Kristian bahawa ayat ini juga salah kerana telah ma'lum tadi bahawa Nabi Harun telah ada beberapa keturunan sa-belum Siti Mariam, dari itu Siti Mariam itu tidak boleh jadi adek beradek dengan Nabi Harun.

**Jawapan Ulama Islam**

Ulama Islam telah menjawab tudohan itu dengan berkata bahawa yang di-kehendaki dengan anak Amran itu erti-nya bukan-lah anak betul2, tetapi erti anak di-mini



ia-lah keturunan, ya'ni Mariam keturunan Amran, sa-bagaimana juga kita berkata bahawa sa-saorang itu anak Adam ber-erti ia keturunan Nabi Adam, bukan-lah anak Adam betul2.

Dan tentang ayat yang mengatakan Siti Mariam itu adek beradek Harun, maka imam Ahmad dan Muslim dan lain2-nya telah meriwayat-kan bahawa Almughirah bin Su'bah telah berkata: aku telah di-utuskan oleh Rasulullah s.a.w. ka-negeri Najran, lalu pendudok2 Najran telah bertanya kapada-ku; "mengapakah ada tersebut di-dalam Qur' an bahawa Mariam itu adek beradek Harun pada hal di-antara Nabi Harun dengan Mariam itu telah ada jarak beberapa masa keturunan". Kata Almughirah, lagi: aku pun balek ka-madinah dan aku sebutkan hal itu kapada Nabi s.a.w. lalu Nabi s.a.w. telah menjawab: "Bukan-kah aku sudah beritahu kapada kamu bahawa mereka (ya'ni orang2 yang dahulu2 itu) selalu di-beri nama mengikut nama Nabi2 dan orang2 Saleh yang telah ada ter-dahulu daripada mereka (untok mendapat sampena yang baik)". Maka hadith ini menyatakan bahawa Harun yang menjadi saudara Mariam itu bukan-lah Nabi Harun a.s. tetapi sa-orang lain yang nama-nya Harun juga.

(2) Di-dalam Qur'an ada tersebut........Surat (36) Yasiin ayat 38..... lihat muka 14 (4) Erti-nya: Dan matahari itu berjalan menurut landasan yang tetap yang di-tentukan bagi-nya. Yang demikian itu ia-lah ketetapan Allah yang Maha kuasa lagi Maha mengetahui.

Ayat ini menyatakan bahawa matahari itu berjalan, tidak diam.

Beberapa lama sa-telah datang Qur'an, maka ahli2 falak daripada bangsa Eropah telah dapati bahawa matahari tidak berjalan bahkan diam sahaja, sa-balek-nya bumi -lah yang berjalan mengelilingi matahari sa-tahun sakali. Matahari itu (pada pemandangan manusia) nampak-nya sahaja berjalan mengeliling i bumi sa-hari sa-malam sa-kali pusing. Maka sebab-nya ternampak demikian ia-lah bumi berpusing sa-perti gasing selama sa-hari sa-malam sa-kali pusing. Tetapi kita tiada berasa akan pusingan bumi itu dengan sebab besar-nya bumi.

Kata mereka bahawa matahari yang sa-benar-nya tiada berjalan. Maka daripada pendapat yang demikian itu musoh2 Islam menchari peluang menuduh bahawa Qur'an sudah salah menyatakan matahari berjalan.

QUR'AN TETAP BENAR

Tetapi beberapa lama kemudian ahli2 falak telah menyatakan pula bahawa walaupun matahari tidak ber-jalan mengelilingi bumi, tetapi ia bukan-lah diam bahkan ber-jalan menurut landasan belatan yang tertentu di-dalam angkasa ber-sama2 dengan bermilion2 bintang dan matahari yang lain di-dalam satu kumpulan bintang2 dan matahari2 yang di-namakan nabula (Nebulae).

Daripada keterangan ini nyata lah bahawa matahari memang der-jalan menurut landasan yang ter-tentu, dari itu benar-lah Qur'an dan salah-lah mereka2 yang menudohnya itu.

(3) Pada satu masa dahulu sa-orang padri yang mengerti bahasa Arab telah berkata bahawa di-dalam Qur'an ada ter-dapat ka-salahan nahu-nya (jalan bahasa-nya) Ayat itu ia-lah:........surat 63 (Almunaafikuun) ayat 10 ......... lihat muka 14 (5Erti-nya:........ Maka ia pun berkata: Hai Tuhan ku sa-kira-nya Engkau lambatkan sadikit ajal (masa mati) ku neschaya aku akan ber-sadekah banyak2 dan aku akan jadi sa-orang dari mereka2 yang saleh (banyak membuat amal kebajikan).

Padri yang ter-sebut tadi telah berkata bahawa perkataan"akun" di-dalam ayat itu salah kerana ia tidak boleh berbaris (sukun) di-akhir-nya, tetapi yang betul-nya ia-lah (akuun) ia-itu huruf akhir-nya ber-baris di-atas (fatah) serta ada 'wau' di-dalam perkataan itu kerana ia mesti menurut perkataan "assaddaka" yang ber-baris di-atas (fathah) di-akhir-nya, ialah dengan sebab "akun" itu menjadi "ataf" kapada assadaka, dan assaddaka itu ber-baris di-atas di-akhir-nya kerana ia 'Mansuub' di-sebabkan ada huruf 'an' yang ter sembunyi sa-lepas huruf 'fa' itu, mereka yang mengerti ilmu nahu tentulah boleh memahami keterangan ini.

Jawapan bagi tuduhan itu

Adapun jawapan-nya ia-lah bahawa perkataan 'assaddaka' di-dalam ayat itu salain daripada boleh ber-baris di-atas (fathah) di akhir-nya sabagaimana ter-sebut di-dalam Qur'an itu, maka boleh pula berbaris mati (sukun) kerana di-dalam hal ini ia menjadi jawab 'sharat' dengan sebab ada perkataan 'lau' pada awal jumlah itu (ia itu Lau laa akh-khartanii......). Dari itu perkataan 'akuun' itu boleh juga di-jadikan 'akun' dengan



berbaris mati (sukun) pada akhir nya (serta di-buang wau-nya) kerana ia menurut assaddaka yang boleh berbaris mati pada akhir-nya itu ia-lah dengan sebab 'akun' itu menjadi 'ataf' kapada 'assaddaka'.

Qur'an menggunakan 'assaddaka' dengan berbaris atas diakhir nya dan menggunakan 'akun'dengan berbaris mati di-akhir-nya ialah untok hendak menunjokkan bahawa dua2 ka'edah itu boleh di-pakai di-situ. Ini menunjokkan rapinya ka'edah bahasa Arab yang di-gunakan di-dalam Qur'an itu.

Sekali lagi Qur'an tetap benar dan penudoh-nya salah. Demikian jugaydi-dalam Qur'an ada di dapati surohan2 dan larangan-larangan yang segala2-nya itu betul dan tepat dengan kahendak manusia. Tiap2 perkara yang di-suroh di-dalam Islam itu mendatangkan faedah kapada sa-siapa yang mengerjakan-nya dan tiap2 perkara yang di-larang itu mendatangkan mudzarat dan benchana jika di-langgar.

Surohan2 Islam semua baik

Terkadang2 perkara yang di-suroh itu dengan sekali pandang tiada nampak baik-nya, terutama kalau kita chenderong kapada nafsu, tetapi jika di-renong dengan halus serta dèngan fikiran yang insaf atau adil neschaya kita akan dapati ada baik-nya. Mithal-nya di-dalam pembahagian pusaka, pehak laki2 dapat lebih daripada perempuan. Mengapa perempuan tidak dapat sama saperti laki2?. Sebab-nya ia-lah laki2 di-wajibkan memberi nafkah kapada sa-siapa, dari itu laki2 di-beri harta pusaka lebih daripada perempuan. Bukan-kah itu 'adil?. Demikian juga kadang2 sa-tengah2 perkara yang di-larang itu dengan sekali pandang sahaja tidak nampak ke-jahatan-nya, tetapi sa-telah di-renong dengan fikiran yang insaf dan adil neschaya akan ternampak jahat-nya dan buruk-nya.

Katakanlah: " Sama-kah orang2 yang berpengetahuan dengan orang2 yang tidak berpengetahuan? Sesunggoh-nya yang mendapat pelajaran hanya-lah orang2 yang mempunyai fikiran".
Surat (39) Az-Zumar ayat 9.